

53

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KHOO SOO SEANG

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10349

SOALAN:

PR-1353-L02836

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tatacara piawai yang digunakan untuk menyediakan penjagaan khas, perlindungan dan rawatan untuk kanak-kanak yang ditahan di Depoh Tahanan Imigresen.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dengan kehadiran kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen dengan menyediakan penjagaan khas serta perlindungan terhadap mereka sepanjang tempoh tahanan. Prosedur pengurusan kanak-kanak yang berada di Depot Tahanan Imigresen telah dimasukkan dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen.

Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di depot seluruh Malaysia bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Bagi memperkukuhkan lagi perkhidmatan kesihatan di depot, klinik kesihatan yang terdekat dikenal pasti dan dipilih bagi menjaga dan bertindak sebagai pusat rujukan kepada pegawai perubatan serta membantu daripada segi aspek keperluan perubatan. Mereka juga bertanggungjawab mengadakan lawatan dan pemantauan secara berkala ke Depot Tahanan Imigresen.

Setiap kanak-kanak yang ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen akan diasingkan mengikut jantina dan umur. Kanak-kanak yang ditempatkan di depot juga dibekalkan dengan susu sebagai makanan tambahan bagi memastikan kanak-kanak tersebut menerima nutrisi yang sepatutnya.